

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kerajaan tidak mengumumkan pembebasan awal kepada banduan bagi kesalahan tidak serius sebelum wabak COVID-19 menular dalam penjara dan berapa kali gandakah jumlah banduan melebihi kapasiti penjara di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan secara dasarnya tidak mempunyai cadangan untuk memendekkan tempoh tahanan seseorang banduan semasa pandemik COVID-19 ini. Begitu juga tanpa peruntukan undang-undang dan peraturan, seseorang banduan tidak boleh dibebaskan dengan sewenangnyanya.

Walau bagaimanapun hak banduan yang layak untuk Pelepasan Secara Perintah Parol, Pelepasan Secara Lesen dan pembebasan melalui pengampunan oleh Lembaga Pengampunan Negeri-negeri tidak dihalang dan masih boleh diberikan dalam tempoh pandemik ini. Pada masa yang sama, pembebasan biasa iaitu seseorang banduan telah selesai menjalani tempoh hukuman, masih dilaksanakan. Sebelum setiap pembebasan tersebut dilaksanakan, banduan berkaitan akan dibuat saringan COVID-19.

Pelaksanaan Pembebasan Banduan Secara Lesen (PBSL) telah dilaksanakan mulai Oktober 2020 bagi banduan di mana hukumannya adalah di bawah 1 tahun dan telah menjalani program pemulihan di penjara. Melalui pelaksanaan program ini, kesesakan di institusi penjara dapat dikurangkan. Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan sekitar 11,000 banduan warganegara menjalani hukuman kurang dari setahun dan golongan ini layak dipertimbangkan untuk PBSL tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Lembaga Pembebasan Banduan Secara Lesen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara Malaysia sehingga 3 November 2020, terdapat seramai 65,139 banduan iaitu 18,719 (40.33%) melebihi kapasiti 46,420 banduan, 39 buah penjara seluruh negara.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa mengadakan perbincangan dengan Agensi-agensi luar yang berkaitan serta melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa terutamanya dalam aspek memperkasakan dan memantapkan pengurusan dan kebajikan banduan secara khususnya.